

→ WILAYAH

Kaunseling bantu pelajar kurangkan tekanan

► Seminar beri kesedaran jalani kehidupan sihat, bijak tangani cabaran persekitaran

Oleh Shahrinnahar Latib
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

Seramai 275 pelajar sekolah rendah dan menengah sekitar daerah ini, didekahkan mengenai kepentingan pengurusan kaunseling dalam menghadapi cabaran dan tekanan persekita-

ran menerusi Seminar Kaunseling Remaja yang diadakan di sini, semalam.

Beri masyarakat kesedaran

Seramai 85 murid dari Sekolah Kebangsaan (SK) Gambang dan SK Panching yang juga sekolah angkat Program Empower Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) Kuantan, turut menyertai seminar yang

Info

Sambutan Bulan Kaunseling UMP

→ Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menetapkan Oktober sebagai Bulan Kaunseling Kebangsaan

→ Seminar turut adakan bengkel pengurusan emosi ibu bapa, pameran agensi dan tayangan filem bertemakan psikologi

[FOTO SHAHRINNAHAR LATIB/BH]



Yuserrie (dua dari kiri) dan Pegawai Eksekutif UAE, Rozi Hassan melawat gerai pameran sempena sambutan bulan kaunseling di Kampus UMP Gambang, semalam.

BERITA HARIAN (KUALA LUMPUR) 12/10/2016 m/s 29

diadakan sempena sambutan bulan kaunseling peringkat Universiti Malaysia Pahang (UMP) itu.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Yuserrie Zainuddin, berkata program terbabit adalah anjuran bersama Bahagian Kaunseling dan Psikologi Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP serta UMP Advance Education (UAE) bertujuan

memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan kaunseling dalam kehidupan seharian.

Perbetulkan stigma negatif

"Ia adalah usaha mewujudkan masyarakat sihat dalam menjalani kehidupan dan bijak menangani cabaran dan tekanan global dalam aktiviti sehari-hari."

"Program ini diharap dapat

memperbetulkan stigma negatif masyarakat bahawa perkhidmatan kaunseling hanya untuk individu bermasalah," katanya ketika merasmikan seminar itu di Kampus UMP Gambang, di sini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif UAE, Rozi Hassan dan Pengarah Program Bulan Kaunseling Kebangsaan Peringkat UMP, Paridah Mohd Ali.